



## Suara prihatin dari Johor



Saya amat tertarik dengan kenyataan DUN Bunut Payong, Takiyuddin Hassan kepada Bernama. "Apa salahnya, dalam keadaan ini, kita bersama-sama bertindak sebagai wakil rakyat untuk memajukan kawasan di Kelantan," Dan juga "Wakil rakyat BN boleh membawa pembangunan dalam bentuk projek-projek dari Kuala Lumpur manakala kami (PAS) boleh bekerjasama dari segi menyediakan tanah," Ini adalah sesuatu yang TIDAK WUJUD didalam kerajaan BN

Tokmat berpendapat sekiranya dengan membenarkan mereka yang profesional di kalangan penduduk BBU menganggotai kepimpinan Pulaui, yang pasti akan ada pertandingan sengit untuk jawatan-jawatan tertinggi dalam Pulaui. Dan tidak secara langsung akan menggugat kedudukan samada Tokmat mahupun Datuk Nurjazlan.

Pemikiran sempit Tokmat ini dianggap telah menyekat kesuburan kepimpinan Pulaui dalam usaha untuk mencari pelapis baru sekiranya pemimpin lama telah tiada. Pemikiran sempit ini juga telah menjerat Tokmat didalam kancah perpecahan di Pulaui ketika ini.

Dengan perletakan jawatan Tokmat, golongan-golongan profesional di BBU merasakan inilah masa yang terbaik untuk mereka menonjolkan diri bukan untuk menentang tetapi untuk memberikan nasihat samada kepada Tokmat mahupun Datuk Nurjazlan bahasa mereka juga mempunyai hak untuk menerajui kepimpinan Pulaui sekiranya terpilih. Tokmat mahupun Timbalannya perlu menafikan bahawa parti bukanlah hak individu.

Penekanan golongan-golongan profesional ini seperti professor, ahli perniagaan, Pegawai2 Kerajaan mahupun Swasta yang bermastatutin di BBU merasakan mereka begitu kecewa dengan tindakan ini dan kekecewaan inilah telah diambil kesempatan oleh PAS yang ternyata lebih perihatin untuk menjadikannya sebagai isu didalam kempen pilihanraya.

Tidak hairanlah apabila ada kempen-kempen penerangan yang dijalankan, pasti akan ada penentangan dari golongan-golongan profesional ini. Di BBU, majalah-majalah seperti Harakah dan propaganda-propaganda serta bendera ujudnya PAS begitu ketara sekali. Kalau dahulu PAS akan segan-segan untuk menonjolkan imejnya tetapi kini secara terang-terang ahli-ahli dan kroni-kroninya tidak segan silu membicarakan isu-isu menentang Kerajaan secara terbuka. Akhbar Harakah boleh dibeli secara terbuka di hadapan Masjid Jamek BBU pada setiap petang.

Kelemahan dan kesilapan yang Tokmat dan Datuk Nurjazlan lakukan ini seharusnya dipandang berat kerana ia bukan sahaja akan menyeret Pulaui didalam kancah

perpecahan dan penentangan ttetapi juga akan mengheret Umno Johor dan BN keseluruhannya dalam usaha menjernihkan keadaan.

Persoalannya sekarang, dimana menghilangnya Tok dan Datuk Nurjazlan ketika ini? Apakah usaha yang dijalankan didalam meneuratilisekan keadaan yang dianggap genting di BBU?

Tepuk dada tanyalah selera. Hanya orang BBU sahaja yang boleh menjawabnya

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.